

## Hubungan Pelaksanaan Risiko dengan Kompetensi dan Dinamisme Jurulatih dalam Aktiviti Berisiko Tinggi

*(The Relationship of Risk Implementation with The Competence and Dynamism of The Coach in High-Risk Activities)*

Suhairullah Omar Ramih<sup>1\*</sup>, Fadzilah Patman<sup>2</sup>, Ahmad Fauzi Mohd Satnih<sup>3</sup>,  
Hafizah Abd Rahim<sup>4</sup>, Shelen Aderina Kok<sup>5</sup>

<sup>1</sup>IPGMK Kent, Peti Surat 2, 89207 Tuaran, Sabah, Malaysia.

Email: Kentyeyeng@gmail.com

<sup>2</sup>IPGMK Kent, Peti Surat 2, 89207 Tuaran, Sabah, Malaysia.

Email: Fadz\_dila@yahoo.com

<sup>3</sup>IPGMK Kent, Peti Surat 2, 89207 Tuaran, Sabah, Malaysia.

Email: ahmadfauzi\_77@yahoo.com

<sup>4</sup>IPGMK Kent, Peti Surat 2, 89207 Tuaran, Sabah, Malaysia.

Email: zeif.zf@gmail.com

<sup>5</sup>IPGMK Kent, Peti Surat 2, 89207 Tuaran, Sabah, Malaysia.

Email: shelenadkok@yahoo.com

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Suhairullah Omar Ramih  
(Kentyeyeng@gmail.com)

### KATA KUNCI:

Dinamisme  
Kompetensi  
Pelaksanaan risiko  
Jurulatih

### KEYWORDS:

Dynamism  
Competence  
Risk implementation  
Instructor

### CITATION:

Suhairullah Omar Ramih et al. (2024). Hubungan Pelaksanaan Risiko dengan Kompetensi dan Dinamisme Jurulatih dalam Aktiviti Berisiko Tinggi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(7), e002883. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2883>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana dapat dilihat dari sudut pandang hubungan pelaksanaan risiko dengan kompetensi dan dinamisme jurulatih dalam melaksanakan aktiviti berisiko tinggi (ABT). Kajian ini dijalankan melalui tinjauan dan melibatkan 276 pelajar. Kajian menggunakan kajian Pirontha dan Ahmad (2021), Roslee dan Muazzin (2015) dan Rohana et al. (2015) yang telah diubah suai dan disesuaikan untuk berfungsi sebagai panduan instrumen kajian. Kajian telah dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) dan dilaporkan dalam bentuk statistik deskriptif dan inferensi ringkas menggunakan kekerapan dan korelasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa H<sub>0</sub> yang menjelaskan tidak ada hubungan diantara pelaksanaan risiko dengan kompetensi dan dinamisme jurulatih adalah ditolak. Kajian menunjukkan hubungan pelaksanaan risiko dengan kompetensi dan dinamisme jurulatih serta kompetensi jurulatih dengan dinamisme jurulatih berada pada aras korelasi yang kuat dan signifikan ( $r=0.633$ ,  $p=0.00<0.05$ ), ( $r=0.554$ ,  $p=0.00<0.05$ ) ( $r=0.848$ ,  $p=0.00<0.05$ ). Kajian ini membantu mengukuhkan kesimpulan yang dibina pengkaji lepas dan menghasilkan sudut pandang positif mengenai hubungan kompetensi dan dinamisme jurulatih dengan pelaksanaan risiko.

### ABSTRACT

This study aimed to find out how far can be seen from the point of view of the relationship of risk implementation with the competence and dynamism of the instructor in carrying out high-risk activities (HRA). The study was conducted through a survey and involved 276 students. The studies used studies of [Pirontha and Ahmad \(2021\)](#), [Roslee and Muazzin \(2015\)](#) and [Rohana et al. \(2015\)](#) that were modified and adapted to serve as study instrument guides. Studies were analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) and reported in the form of descriptive statistics and brief inferences using frequency and correlation. The results showed that H0 which explained there was no relationship between risk execution and competency and instructor dynamism was rejected. Studies show that the relationship of risk execution with the competence and dynamism of the instructor as well as the competence of the instructor with the dynamism of the trainer is at a strong and significant correlation level ( $r=0.633$ ,  $p=0.00<0.05$ ), ( $r=0.554$ ,  $p=0.00<0.05$ ) ( $r=0.848$ ,  $p=0.00<0.05$ ). This study helps to reinforce the conclusions that past researchers build and produce a positive point of view on the relationship of competence and dynamism of instructors with the implementation of risks.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada ruang lingkup lebih mendalam mengenai hubungan pelaksanaan risiko dengan kompetensi dan dinamisme jurulatih pendidikan luar dalam aktiviti yang berisiko tinggi.

## 1. Pengenalan

Di Malaysia, pengajaran kokurikulum pada masa kini semakin mendapat perhatian yang sewajarnya dalam arus Pendidikan negara. Bermula diperingkat rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi, pelaksanaan aktiviti kokurikulum dilaksanakan dengan pengisian yang menjurus kepada suatu tujuan yang murni ([Ling, 2007](#); [Pirontha & Ahmad, 2021](#)). Pengajaran dalam aktiviti kokurikulum ini termasuklah melibatkan aktiviti fizikal yang memberi impak positif kepada pelajar ([Malek & Tajuddin, 2022](#); [Masrom et al., 2022](#); [Goh et al., 2023](#)). Aktiviti fizikal yang dilaksanakan juga adalah tidak terhad seperti yang berlaku dalam bilik darjah.

[Kementerian Kesihatan Malaysia \(2017\)](#), telah menyatakan pelbagai manfaat aktiviti fizikal. Kekurangan melakukan aktiviti fizikal yang bersesuaian membawa kepada pengurangan risiko sakit jantung, tekanan darah tinggi, osteoporosis, diabetes, kanser dan obesiti. Selain itu, aktiviti fizikal meningkatkan daya tahan tubuh badan, menguatkan tulang dan otot serta membantu ke arah penjagaan mental dan personaliti individu itu sendiri. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia adalah di antara badan yang giat meneruskan usaha aktiviti fizikal ini daripada tahap aktiviti yang mudah sehingga kepada aktiviti fizikal berisiko tinggi.

Aktiviti fizikal mudah tidak begitu memerlukan panduan dan bantuan daripada personel bertauliah, namun bagi aktiviti fizikal berisiko tinggi seperti rakit arus deras, kayak, mendaki tembok tiruan, *abseiling*, kembara hutan, *zipline* dan memanjat pokok tinggi memerlukan panduan dan bantuan kepakaran dari personel bertauliah yang mampu

menilai dan meminimumkan risiko kemalangan (Mohd Sidi et al., 2019). Bagi tujuan menyasarkan kemalangan sifar pada aktiviti fizikal berisiko tinggi, hal ini adalah sesuatu yang sukar dilaksanakan secara praktikal. Saban tahun, laporan akhbar sentiasa terpampang mengenai kemalangan-kemalangan yang berlaku dalam melaksanakan aktiviti fizikal berisiko tinggi. Justeru keperluan latihan mengenai pelaksanaan risiko perlu dilakukan sebelum melaksanakan sesebuah aktiviti (Norfazira et al., 2020; Muhamad Suhaimi et al., 2021). Peserta yang terlibat perlu menilai dan mempersiapkan diri mereka dengan persediaan fizikal, mental dan emosi melakukan aktiviti berisiko tinggi. Persediaan ini perlu mengambil kira aplikasi set kemahiran yang telah mereka pelajari daripada personel bertauliah (jurulatih) yang mampu membimbing mereka dalam usaha meminimumkan risiko kemalangan pada aktiviti-aktiviti berbahaya yang mungkin melibatkan kehilangan nyawa atau kecacatan kekal seumur hidup. Pada bahagian ini tahap kompetensi dan dinamisme personel bertauliah (jurulatih) menjadi ukuran dalam membantu peserta bagi membolehkan peserta yang terlibat mempunyai keyakinan diri dan kemahiran yang sepatutnya dalam melihat keupayaan mereka sendiri dalam melaksanakan sesuatu yang berisiko pada suatu aktiviti tersebut bagi menjamin pengayaan pengalaman beserta ilmu yang diperoleh berbaloi dengan risiko dan tindakan yang diambil untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran.

### 1.1. Permasalahan Kajian

Pelaksanaan risiko bagi suatu aktiviti fizikal yang berisiko tinggi sangat bergantung kepada proses pembelajaran dan penerimaan peserta yang terlibat dalam memahami risiko sesuatu situasi (Pirontha & Ahmad, 2021). Kegagalan menilai dengan tepat dan betul meningkatkan risiko kemalangan. Pelaksanaan risiko yang baik mampu meminimumkan risiko kemalangan (Muhammad Syakir et al., 2019). Namun, proses penilaian yang tepat perlu melalui pembelajaran yang tepat dan berkesan melalui bimbingan daripada jurulatih yang berkemahiran dan berkepakaran dalam mengendalikan aktiviti (Md Rahaimi et al., 2020).

Kompetensi dan dinamisme jurulatih dalam kaedah pengajaran harus mencapai standard yang diperlukan dan bersesuaian dengan aktiviti yang dilaksanakan memandangkan kedua faktor ini diperlukan sebelum personel yang terlibat sesuai menjadi tenaga pengajar dalam perkara-perkara yang diperlukan (Fakrul et al., 2020; Juhaidah & Dalbir, 2020; Muhammad Faiz et al., 2022). Terdapat pandangan pada masa kini, penglibatan dalam aktiviti fizikal terutama yang berisiko semakin kurang mendapat tempat dalam masyarakat ataupun sebaliknya yang merujuk kepada perkembangannya (Jaffry et al., 2015; Abidah, 2018; Noorasikin et al., 2018; Salleh et al., 2021). Justeru, pernyataan masalah yang menjadi isu dalam perkara ini adalah bagaimana dapat dilihat mengenai kompetensi dan dinamisme jurulatih yang mempunyai perkaitan dengan pelaksanaan risiko yang dilaksanakan oleh peserta sendiri dalam usaha meyakinkan mereka langkah keselamatan yang diambil dan dilaksanakan melalui proses pembelajaran yang dilalui adalah mencukupi.

### 1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat hubungan dimensi yang terlibat terhadap perkara berikut:

- i. Melihat hubungan pelaksanaan risiko dengan kompetensi jurulatih
- ii. Melihat hubungan pelaksanaan risiko dengan dinamisme jurulatih
- iii. Melihat hubungan kompetensi jurulatih dengan dinamisme jurulatih

## 2. Sorotan Literatur

Kelemahan-kelemahan pengurusan risiko dalam pelbagai program banyak mengakibatkan berlaku kejadian di luar jangka (kemalangan) (Jaffry et al., 2015; Muhammad Syakir et al., 2019). Personel yang terlibat seharusnya mengambil langkah-langkah bagi menjalankan aktiviti kokurikulum terutama yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi (Pirontha & Ahmad, 2021; Muhamad Suhaimi et al., 2021; Raj et al., 2022). Pengurusan risiko perlu mengambil kira pelaksanaannya yang melibatkan sebelum, semasa dan selepas aktiviti bagi menjamin aspek-aspek kritikal telah diteliti dan diperhalusi dan mengelakkan masalah bakal timbul setelah melaksanakan aktiviti yang berisiko tinggi (Nor & Mazanah, 1998; Kevin, 2005). Isu keselamatan telah banyak dibincangkan sebagai faktor yang menjadi penyumbang kepada pelaksanaan risiko dalam aktiviti-aktiviti fizikal (Haizul & Tajul, 2021).

Garis panduan keselamatan sebagai rujukan banyak dihasilkan oleh institusi yang berkaitan dalam menangani masalah yang berlaku, namun disebabkan faktor kelemahan dalam pelaksanaan risiko itu sendiri menyebabkan kejadian di luar jangka masih berlaku (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2018; Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Pengurusan risiko yang baik akan melihat pelbagai aspek keselamatan dalam menjalankan sesuatu aktiviti. Kim dan Jeong (2024) memberi pandangan umum dengan berlakunya peningkatan standard dalam taraf hidup moden masa kini, maka aktiviti luar yang melibatkan fizikal seperti sukan juga semakin meningkat. Berdasarkan teori tingkah laku terancang, kajian kedua pengkaji tersebut melihat bagaimana risiko mempunyai hubungan dengan norma umum, sikap dan kecenderungan tingkah laku. Kajian mendapati wujud hubungan yang menuju ke arah tersebut. Rather (2021) berpandangan pelaksanaan risiko dipengaruhi oleh faktor psikologi individu yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu aktiviti.

Individu yang terlibat menilai tahap kesediaan kehilangan sesuatu yang mereka miliki sendiri dalam melaksanakan sesuatu risiko. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi dengan melihat bahawa pemahaman individu terhadap sesuatu keadaan mempunyai perkaitan dengan dipengaruhi emosi (Wei et al., 2018). Justeru, sungguhpun ilmu dan pengetahuan yang diperoleh oleh peserta secara keseluruhan melalui jurulatih yang sama mungkin akan memberikan hasil keputusan yang berbeza dari segi pelaksanaan risiko memandangkan set pemilihan keputusan individu dipengaruhi oleh set emosi mereka berdasarkan situasi dan pengalaman lepas. Park et al. (2022) membuat kajian yang berkaitan dengan pencemaran udara mempunyai pandangan yang hampir sama dengan melihat adakah pelaksanaan sesuatu risiko yang dijangka secara khusus mampu memberi perubahan kepada kehendak dan tingkahlaku yang bakal dilakukan individu tersebut. Perkara-perkara ini berlaku disebabkan aktiviti fizikal yang berisiko tinggi terdedah kepada isu keselamatan dari segi pelaksanaan risiko (Noorasikin et al., 2018).

Pelbagai aspek perlu dititikberatkan sebelum melaksanakan sesuatu aktiviti yang berisiko memandangkan keselamatan peserta itu sendiri menjadi perkara yang perlu dipertimbangkan dengan betul sebelum bersedia melaksanakan aktiviti tersebut. Noorasikin et al. (2018) dalam kajian mereka melihat bagaimana pentadbir dari segi keterlibatan mereka dalam komitmen keselamatan berdasarkan amalan keselamatan aktiviti luar berisiko yang digunakan serta merujuk kepada kompetensi dan tahap pengetahuan mereka. Selain itu, sikap dan kelayakan guru juga dilihat sebagai perkara yang penting. Kekurangan guru yang berkemahiran dan berkepakaran dalam bidang aktiviti luar yang berisiko juga merupakan suatu aspek yang perlu dilihat dalam aktiviti

kokurikulum secara umumnya. Keadaan ini dilihat menimbulkan persoalan mengenai kompetensi personel yang terlibat dalam dalam mengendalikan sesuatu aktiviti tersebut memandangkan kebekesanan pelaksanaan dan pengurusan sesuatu program adalah banyak dicorakkan pelaksanaannya oleh individu yang menguruskannya (Sheila & Abdul Said, 2019; Fakrul et al., 2020; Arifah & Norlena, 2022).

Juhaidah dan Dalbir (2020) memberi pandangan mengenai kompetensi bahawa kompetensi dapat dilihat secara umum sebagai suatu kecekapan atau kemahiran yang dimiliki, diperoleh dan diketahui oleh individu berpandukan kepada pengalaman yang dilaluinya dalam melaksanakan arahan atau lain-lain perkara dan dapat melakukan tugas dalam sesuatu perkara. Manakala Henri et al. (2017) memberi pandangan bahawa kompetensi dilihat sebagai set tabiat, perangai atau tingkahlaku dan bentuknya yang dapat meningkatkan, menimbulkan dan mewujudkan penguasaan dalam suatu kemahiran tertentu. Kajian Muhammad Faiz et al. (2022) menunjukkan murid dapat menilai tahap kompetensi guru dan dari segi korelasi, berdasarkan persepsi murid terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kompetensi guru dengan motivasi belajar murid ( $r = 0.393$ ,  $p < 0.01$ ). Kajian ini memberi gambaran awal bahawa keadaan pembelajaran murid itu mempunyai kebarangkalian dipengaruhi oleh kompetensi guru. Manakala kajian Fakrul et al. (2020) yang melihat tahap kompetensi latihan, kompetensi perlawanan dan kompetensi pengurusan jurulatih juga jelas memberikan gambaran bahawa kompetensi personel yang terlibat (guru atau jurulatih) dapat mempengaruhi prestasi pemain bola sepak yang banyak menyumbang kepada peningkatan kualiti pemain bola sepak.

Kajian Roslee dan Muazzin (2015) menjelaskan cara proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran personel bertauliah (jurulatih) semasa berinteraksi dengan peserta memainkan peranan penting dalam merangsang minat peserta. Personel yang bertauliah haruslah bersifat lebih dinamik dalam menggunakan pelbagai kaedah bagi memastikan peserta memperoleh input yang terbaik terutama bagi aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi. Dinamisme jurulatih ini dapat dilihat apabila mampu mewujudkan suatu keadaan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pengaruh yang besar kepada peserta yang terlibat. Kajian lampau Saiful et al. (2014) juga lebih telah menyatakan bahawa pengaruh guru merupakan faktor penting dalam memberikan input atau proses penerimaan input kepada pelajar. Muhammad Faisal et al. (2024) secara jelas telah memberikan pandangan bahawa pendekatan yang digunakan oleh personel yang bertauliah (guru) mampu memberikan kesan kepada input yang diperoleh oleh peserta. Jurulatih atau guru yang baik menggunakan pelbagai pendekatan seperti didik hibur dan menggunakan teknik komunikasi pelbagai dalam merangsang pelajar. Justeru, dapat dilihat berdasarkan pandangan pengkaji lampau dinamisme jurulatih itu sebenarnya dilihat dengan cara bagaimana pendekatan yang dilaksanakan oleh jurulatih dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajarannya bagi memberikan input terbaik kepada peserta.

### 3. Metod Kajian

Kajian dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif kaedah tinjauan yang menggabungkan borang soal selidik yang telah diadaptasi dan disesuaikan daripada borang soal selidik kajian Pirontha dan Ahmad (2021) dan borang soal selidik Roslee dan Muazzin (2015) agar dapat digunakan kepada responden kajian yang terlibat dengan lebih mudah. Versi SPSS 23.0 telah digunakan dalam proses menganalisis kajian ini. Pendekatan kuantitatif yang dijelaskan dalam kajian ini disesuaikan dengan kajian sains

sosial yang bersifat bukan eksperimental yang bermaksud responden yang terlibat berada dalam keadaan sebenar yang tidak dirawat bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat. Semakan menggunakan analisis faktor juga dijalankan bagi membolehkan kecukupan sampel sama ada data sesuai untuk membuat faktor analisis dan hubungan antara item adalah memadai untuk tujuan analisis faktor. Kajian mendapati nilai KMO bagi data ini melepasi tahap minimum melebihi 0.5 dengan nilai KMO 0.66 dan ujian Keseferaan Barlett  $P=0.00<0.05$ .

Ujian kepercayaan ke atas item juga dilaksanakan dan menunjukkan soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang agak baik apabila nilai *cronbach alpha* yang diperoleh 0.861 (Creswell, 2012). Kajian ini mengetengahkan statistik deskriptif bagi menjelaskan kekerapan secara langsung dan statistik inferensi bagi menjelaskan hubungan dan tahap kekuatan yang wujud dalam sesebuah pemboleh ubah tersebut dengan maksud lain statistik inferensi ini melihat pemboleh ubah yang berkaitan dengan kejadian tanpa mempersoalkan sebab yang mendorong kewujudannya (Mohd Majid, 1990). Secara keseluruhan, jumlah pelajar yang terlibat menyertai program pendidikan luar (BIG) adalah seramai 477 orang. Menurut jadual pengiraan sampel Krejcie dan Morgan (1970), untuk populasi 480 orang, sampel minimum yang sesuai adalah 214 orang, dan untuk populasi 460 orang, sampel minimum yang sesuai adalah 210 orang. Oleh itu, daripada 477 pelajar yang terlibat dalam kajian, 276 responden yang menjawab telah memenuhi syarat untuk menjadi sampel dengan melebihi sampel minimum yang diperlukan. Kajian ini memfokuskan pada ujian korelasi di antara dimensi yang terlibat berpandukan kepada pandangan Cohen et al. (2010).

#### 4. Hasil Kajian

Dapatan kajian dapat dilihat menerusi [Jadual 1](#) menunjukkan mengenai taburan silang di antaraambilan pelajar dan keputusan CGPA responden yang terlibat.

Jadual 1: Ambilan Pelajar Dan Nilai Terkini CGPA

	Nilai Terkini CGPA				Total
	2.60 - 2.99	3.00 - 3.33	3.34 - 3.66	3.67- 4.00	
AmbilanPISMP Jun 2022 (PISMP Jun 2021-Mei 2026)	0	2	24	48	74
PISMP Jun 2020 (PISMP Jun 2020-Mei 2024)	1	1	48	125	175
PISMP Jun 2019 (PISMP Jun 2019-Mei 2023)	0	1	7	19	27
<b>Total</b>	<b>1</b>	<b>4</b>	<b>79</b>	<b>192</b>	<b>276</b>

Responden daripada Ambilan Jun 2020 adalah responden terbanyak dalam kajian ini sebanyak 175 orang, diikuti oleh Ambilan Jun 2022 sebanyak 74 orang dan akhir sekali Ambilan Jun 2019 seramai 2 orang. Berdasarkan taburan silang di antaraambilan dan CGPA responden, hanya 1 orang responden yang terlibat mempunyai keputusan CGPA dalam lingkungan 2.60 hingga 2.99 daripada Ambilan Jun 2020. Sebanyak 4 responden mempunyai CGPA dalam lingkungan 3.00 hingga 3.33 dengan melibatkan 2 responden dari Ambilan Jun 2022 dan masing-masing 1 responden dari Ambilan Jun 2020 dan Jun 2019. Di peringkat CGPA yang lebih tinggi pada nilai gred kumulatif 3.34 hingga 3.66 menunjukkan seramai 48 responden dari Ambilan Jun 2020, 24 orang responden dari Ambilan Jun 2022 dan 7 orang responden dari Ambilan Jun 2019. Berdasarkan [Jadual 1](#)

juga, data menunjukkan responden yang terlibat memiliki nilai gred terkumpul (CGPA) dalam lingkungan 3.67 hingga 4.00 merupakan responden yang terbanyak dari segi kekerapan dalam kajian ini. Dengan jumlah terbesar seramai 192 responden, seramai 125 orang responden memiliki CGPA dalam lingkungan 3.67 hingga 4.00 dari Ambilan Jun 2020, 48 orang responden dari Ambilan Jun 2022 dan akhir sekali 19 orang responden dari Ambilan Jun 2019.

Bagi melihat perkaitan hubungan di antara dimensi yang terlibat, ujian korelasi moment Pearson dilaksanakan untuk tujuan ini. Berdasarkan kepada [Jadual 2](#) yang menunjukkan korelasi di antara dimensi yang terlibat, data keputusan kajian memberikan nilai yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi positif antara kesemua dimensi (pelaksanaan risiko dengan kompetensi jurulatih, pelaksanaan risiko dengan dinamisme jurulatih, dinamisme jurulatih dengan kompetensi jurulatih). Korelasi dimensi yang dilihat dalam keputusan data kajian menunjukkan dinamisme jurulatih dan kompetensi jurulatih mempunyai kekuatan korelasi yang agak kuat dan tinggi berbanding lain-lain dimensi. Hubungan di antara kompetensi jurulatih dan dinamisme jurulatih berhubung secara positif dengan nilai  $r = 0.848$  pada nilai signifikan  $p = 0.00$  ( $(0.848 (0.000 < 0.005))$ ). Korelasi dimensi seterusnya yang dapat dilihat mempunyai aras kekuatan kedua tertinggi merujuk kepada korelasi positif di antara pelaksanaan risiko dan kompetensi jurulatih pada aras signifikan 0.000 dan nilai  $r = 0.633$  ( $(r = 0.633, 0.000 < 0.005)$ ).

Jadual 2 : Korelasi Antara Dimensi

		Pelaksanaan Risiko	Kompetensi Jurulatih	Dinamisme Jurulatih
Pelaksanaan Risiko	Pearson Correlation	1	.633**	.554**
	Sig. (2-Tailed)		.000	.000
	N	276	276	276
Kompetensi Jurulatih	Pearson Correlation	.633**	1	.848**
	Sig. (2-Tailed)	.000		.000
	N	276	276	276
Dinamisme Jurulatih	Pearson Correlation	.554**	.848**	1
	Sig. (2-Tailed)	.000	.000	
	N	276	276	276

\*\**. Correlation Is Significant At The 0.01 Level (2-Tailed).*

Korelasi yang ketiga dapat dilihat pada hubungan antara dinamisme jurulatih dan pelaksanaan risiko. Aras kekuatan korelasi yang ditunjukkan antara kedua dimensi ini masih berada dalam keadaan yang kuat dan baik yang mana nilai  $r = 0.554$  pada aras signifikan 0.00 ( $(r = 0.554, 0.000 < 0.005)$ ). Berdasarkan kepada dapatan secara keseluruhan mengenai korelasi pada dimensi-dimensi yang terlibat, suatu andaian mudah yang dapat disimpulkan dengan pandangan umum kajian ini bahawa keadaan korelasi yang berlaku diambil kira sebagai positif sepenuhnya dan memberikan perkadaran secara langsung dengan setiap dimensi. Ini bermaksud jika kompetensi jurulatih adalah tinggi dan baik, dinamisme jurulatih tinggi dan baik, maka pelaksanaan risiko juga adalah tinggi dan baik. Keadaan ini memberi gambaran yang membawa kepada pembuatan keputusan pelaksanaan risiko yang diamalkan oleh peserta sepatutnya berada dalam perkaitan yang rapat dengan apa yang diterima oleh mereka dalam proses pembelajaran yang diberikan oleh personel yang terlibat (jurulatih).

## 5. Perbincangan

Dalam aktiviti kokurikulum terutama bagi aktiviti fizikal yang berisiko tinggi, pengelolaan atau pelaksanaan risiko merupakan suatu faktor yang harus diambil kira dengan penuh perhatian dan serius dari segenap aspek oleh pengurus program dan peserta yang akan melaksanakan aktiviti berisiko itu sendiri. Tahap kefahaman, pengetahuan dalam melaksanakan pengurusan risiko bagi aktiviti berbahaya sangat penting bagi meningkatkan peluang peserta melaksanakan aktiviti dengan selamat di samping peserta sendiri dapat menyedari kepentingan mempelajari sesuatu perkara daripada sumber yang tepat (jurulatih yang mempunyai kompetensi) mampu memberi mereka idea yang tepat mengenai langkah-langkah memahami risiko, menilai risiko, meminimumkan risiko dan melaksanakan risiko selepas mempercayai tahap keselamatan yang diyakini berdasarkan apa yang telah mereka pelajari. Kegiatan-kegiatan seperti ini harus dilatih kepada semua peserta bagi memahirkan mereka untuk mengecam, mengenali, mengesan dan melihat potensi bahaya yang bakal mereka lalui dan sekali gus sebenarnya meningkatkan potensi diri dan kemampuan peserta itu sendiri untuk membuat suatu tindakan yang pintar berdasarkan proses pembuatan keputusan yang bijak dalam menilai suatu situasi di luar jangka.

Kajian ini juga memperlihatkan bagaimana pelajar-pelajar pintar daripada peringkat SPM yang menjadi guru pelatih di dalam IPG yang mengekalkan kecemerlangan mereka dari segi penjonolan keputusan CGPA melibatkan diri sebagai responden dan memberikan persepsi mengenai kompetensi dan dinamisme jurulatih yang berkaitan dengan PDP aktiviti fizikal kokurikulum berisiko tinggi. Pelajar mengambil contoh daripada jurulatih mengenai tatacara dan kaedah yang tepat dalam melaksanakan aktiviti berisiko tinggi. Keadaan ini bermakna jurulatih sebenarnya menjadi tokoh atau *role-model* bagi pelajar dalam melaksanakan aktiviti tersebut (Devis-Rozental & Farquharson, 2020). Kajian lepas menunjukkan jurulatih yang berkemampuan mendidik dengan pelbagai kaedah menarik (dinamisme) dan sikap baik yang bersesuaian boleh menarik minat dan motivasi pelajar (Roslee & Muazzin, 2015; Muhammad Faiz et al., 2022). Justeru dalam kajian ini, menunjukkan bahawa kompetensi dan dinamisme yang ditonjolkan oleh jurulatih mempunyai hubungan dan perkaitan dengan pelaksanaan risiko oleh pelajar sekaligus menyokong kajian lepas bahawa jurulatih boleh memberi kesan secara tidak langsung dalam mencorakkan pelajar dari segi hubungan yang ditonjolkan.

Kajian Rather (2021) yang menjelaskan bahawa pelaksanaan risiko dipengaruhi oleh faktor psikologi individu yang terlibat juga secara tidak langsung disokong oleh kajian ini. Kajian ini telah mengulas berdasarkan korelasi semakin tinggi dan baik kompetensi dan dinamisme jurulatih, maka semakin tinggi dan baik juga pelaksanaan risiko yang dilaksanakan oleh peserta. Keadaan ini seolah-olah memberikan pengaruh kepada peserta bahawa dengan kredibiliti jurulatih yang kompeten dan telah memberikan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik seperti tunjuk ajar, demonstrasi, didik hibur dan sebagainya dalam aktiviti fizikal berisiko tinggi memberikan tahap kefahaman, pengetahuan untuk membolehkan peserta berani melaksanakan aktiviti berisiko tinggi setelah mendapat tunjuk ajar daripada personel bertauliah. Hal ini juga secara tidak langsung memberi sokongan kepada dapatan Muhammad Faisal et al. (2024) yang menjelaskan pendekatan yang digunakan oleh guru memberi kesan kepada pelajar.

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini memberikan suatu dapatan bahawa wujud hubungan yang jelas di antara kompetensi, dinamisme jurulatih dan pelaksanaan risiko oleh pelajar. Dapatan kajian ini telah menyokong beberapa kajian secara tidak langsung dengan memberi beberapa persamaan yang wujud dalam kajian dan pendekatan yang dilakukan. Keputusan kajian pengkaji-pengkaji lepas yang digunakan dalam kajian ini bertepatan dalam memandu kajian ini sehingga mencapai keputusan bersesuaian dengan sokongan kepada dapatan kajian yang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dari sudut pandang kompetensi dan dinamisme jurulatih itu sendiri, keputusan kajian tidak semestinya bertepatan dan bersesuaian dengan lain-lain pengkaji jika kajian dilaksanakan di tempat lain memandangkan faktor kompetensi dan dinamisme jurulatih ini mungkin sahaja menghasilkan keputusan negatif ke arah hubungannya dengan pelaksanaan risiko sungguhpun pada kajian ini hasil yang diperoleh adalah positif. Kompetensi dan dinamisme jurulatih yang berbeza berkemungkinan memberikan hasil yang berbeza.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawai etika penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian dijalankan. Segala maklumat yang diberikan telah menjayakan penerokaan ini sekali gus memberikan input terbaik.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan daripada penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini

## Rujukan

- Abidah Ainah Mohamed @Jamal. (2018). *pembangunan kerangka pengurusan risiko pendidikan luar di institut pendidikan tinggi Malaysia*. Universiti Tun Hussein On Malaysia.
- Arifah Md Desa, & Norlena Salamuddin. (2022). Tahap Kompetensi Jurulatih Sukan dalam Melaksanakan Latihan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001358. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1358>

- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2010). *Research Methods in Education*. London Routledge
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research. 4th Edition*. New York : Pearson.
- Devis-Rozental, C., & Farquharson, L. (2020). What influences students in their development of socio-emotional intelligence whilst at university? *Higher Education Pedagogies*, 5(1), 294–309. <https://doi.org/10.1080/23752696.2020.1820887>
- Fakrul Hazely Ismail., Zulakbal Abd Karim., & Novri Ghazali. (2020). Kompetensi guru sebagai jurulatih bola sepak dan kesannya terhadap prestasi pemain bola sepak Pusat Latihan Daerah Kuala Lumpur. *Jurnal Sains Sukan Dan Pendidikan Jasmani*, 9(1), 47–61.
- Goh, E., Yin, L., Koh, D., & Lian, C. (2023). Factors Of Involvement Physical Activities Under. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(19), 1–10. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.061901>
- Haizul Azzuan Nordin, & Tajul Arifin Mohamad. (2021). Hubungan Antara Pengetahuan Dengan Sikap Keselamatan Terhadap Amalan Keselamatan Jurulatih Utama Pusat Kokurikulum. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)*, 3(2), 27–36. website:<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap>
- Henri, M., Johnson, M. D. & Nepal, B. (2017). A Review of Competency-Based Learning: Tools, Assessments, and Recommendations. *Journal of Engineering Education* 106(4), 607–638. doi:10.1002/jee.20180
- Jaffry Zakaria, Mohd Taib harun, & Norlena Salamuddin. (2015). *Peranan Amalan Pengurusan Risiko. ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015*, October 2016.
- Juhaidah Abd Hakim, & Dalbir Singh. (2020). *Teori Kompetensi: Ulasan dari Perspektif Kemahiran Digital. Malaysian Journal of Information and Communication Technology (MyJICT)*, 5(1), 23. <https://doi.org/10.53840/myjict5-1-28>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). *Garis Panduan Aktiviti Fizikal Malaysia*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Modul Senaman dan Aktiviti Fizikal*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2018). *Prosedur Operasi Standard Rekreasi Luar Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi*. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
- Kevin Niru. (2005). *Program latihan peranan jurulatih dan keberkesanan di satu agensi kerajaan di Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Kim, D. H., & Jeong, Y. (2024). Examining the moderating effect of perceived risk from particulate matter on outdoor sports participants: a theory of planned behavior perspective. *Frontiers in Public Health*, 12(January), 1–11. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2024.1340502>
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Ling, W. H. (2007). *Tahap Penglibatan Pelajar Di Sekolah Menengah Dalam Aktiviti Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Daya*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- Malek, A. A., & Tajuddin, M. M. (2022). Motif Dan Tahap Penyertaan Aktiviti Fizikal Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Sandakan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(16), 75–82. <https://doi.org/10.55573/JOSSR.051608>
- Masrom, S. N., Abdul Razak, M. R., & Ismail, E. (2022). Hubungan Antara Penglibatan Aktiviti Fizikal Dengan BMI Dalam Kalangan Murid Perempuan Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001337. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1337>

- Md Rahaimi Rashid@Yaacob, Marzita Abu Bakar, & Wan Zaliha Othman. (2020). Kepentingan kemahiran pengurusan risiko dalam kalangan pemimpin pendidikan dan implikasinya kepada pembangunan kapasiti yang berkesan. *Institut Aminuddin Baki*. 2020(April),1–23. <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/1.%20Artikel%20kemahiran%20pengurusan%20risiko.pdf> (1 Ogos 2022).
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Sidi, M. A., Sulaiman, M. S., Mohd Fauzi, M. S. H., & Mazlan, J. (2019). Kesedaran risiko dan tingkahlaku selamat “Altruistic” dalam aktiviti rekreasi program bina insan guru. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 8(1), 31–38. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol8.1.4.2019>
- Muhamad Suhaimi Taat, Abdul Rahman, A. F., Nordin, H., & Muhammad, N. (2021). Keuasan Atlet Bola Tampar: Hubungannya dengan Pengurusan Risiko di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6) 187–195. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.826>
- Muhammad Faisal Ahmad, Muchammad Bayu Tejo Sampurno, Mardiana Ismail, Abdul Walid Ali, & Nor Shuradi Nor Hashim. (2024). The Impact of Interactive Acting Learning as an Alternative to Digital Acting Teaching in Malaysian Art School : A Comprehensive Review. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 2(2), 313–327. <https://doi.org/10.37934/araset.33.2.313327>
- Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad, & M. Khalid M. Nasir. (2022). Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid Untuk Belajar dalam Norma. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3). e001373. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1373>
- Muhammad Syakir Sulaiman, M.Adli. Mohd Sidi, Mohd Faez Ilias, & Mohd Amin Mohd Noh. (2019). Kesedaran Terhadap Amalan Pengurusan Risiko Aktiviti Rekreasi “Zipline” dalam Program Bina Insan Guru. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 29–38. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v3i2.32>
- Noorasikin Ismail, Zainal Abidin Zainuddin, & Halijah Ibrahim. (2018). Komitmen Terhadap Keselamatan Aktiviti Luar Dan Berisiko dalam Pendidikan. *Sainshumanika*, 2(10), 57–66..
- Nor Mohd Zulkarnaln Abdul Yazid, & Mazanah Muhamad. (1998). Keberkesanan Latihan: Pengalaman Sebuah Agensi Pengembangan di Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Human*, 6(2), 107–124. <http://psasir.upm.edu.my/3196/>
- Norfazira Azman, Noor Azmi Mohd Zainol, & Zahimi Zainol Abidin. (2020). Peranan jurulatih terhadap keberkesanan latihan pegawai kadet palapes universiti pertahanan nasional malaysia (upnm). *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*, 5(24 & 25 November 2020.), 388–401
- Park, J., Park, Y., Yoo, J. L., Yue, G., & Yu, J. (2022) Can the perceived risk of particulate matter change people’s desires and behavior intentions? *Frontiers in Public Health*, 10, 1035174. doi: 10.3389/fpubh.2022.1035174
- Pirontha Kalaiselvan., & Ahmad Kamaluddin Megat Daud (2021). Pengurusan Risiko Dalam Pelaksanaan Kokurikulum Murid Sekolah Rendah Daerah Sepang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 1–19.
- Raj, S. A., Zakaria, J., & Ahmad Hashim. (2022). Needs Analysis of Risk Management in Extra Cocurriculum Activities in. *Journal of Advances in Sports and Physical Education*, 5(7), 154–157. <https://doi.org/10.36348/jaspe.2022.v05i07.005>
- Rather, R. A. (2021). Demystifying the effects of perceived risk and fear on customer engagement, co-creation and revisit intention during COVID-19: A protection

- motivation theory approach. *Journal of Destination Marketing & Management*, 20(February), 100564. <https://doi.org/10.1016/j.jdmm.2021.100564>
- Rohana, I., Azlin, Y., & Habshah, A. B. (2015). Persepsi pelajar terhadap kredibiliti pengajaran dan pembelajaran (pnp) pendidik di jabatan kejuruteraan elektrik, politeknik sultan abdul halim muadzam shah (polimas): satu analisa ke atas pelajar semester akhir sesi disember 2013. *Journal on Technical and Vocational Education*, 1(1), 42–51
- Roslee Uyob, & Muazzin Mohd Mahadi. (2015). Kajian Persepsi Terhadap Kredibiliti Jurulatih Luar Di Dalam Proses (P & P) Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. (Satu Analisa Ke Atas Para Pelajar Yang Mengambil Unit Beruniform Askar Wataniah Sesi Disember 2015). *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICompEx'16)*.
- Saiful Afzan Baru, Lazim Abdullah, Azwadi Ali, & Hafiz Yusoff. (2014). Pemodelan Penerimaan Pelajar Terhadap Persekitaran Pembelajaran Maya (Vle) (Modeling Student Acceptance of Virtual Learning Environment (Vle)). *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 36–47.
- Salleh, K., Harun, M. F., & Silim, A. Z. (2021). Personaliti Pelajar dan Tahap Penglibatan dalam Aktiviti Kokurikulum. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi Dan Sains Sosial*, 7(2), 1–8.
- Sheila Michael, & Abdul Said Ambotang. (2019). Hubungan Pengurusan Kokurikulum dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 202. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.318>
- Wei, Y., Wang, C., Zhu, S., Xue, H., & Chen, F. (2018). Online Purchase Intention of Fruits : Antecedents in an Integrated Model Based on Technology Acceptance Model and Perceived Risk Theory. *Frontiers in Psychology*, 9(August), 1–11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.01521>